



Tafsir Tematik Erti Ummah Dalam Al-Qur'an

Mengharmonikan Konsep
Ummah Eksklusif
dan *Ummah* Inklusif

Muhammad Haniff Hassan



*Tafsir Tematik
Erti Ummah
Dalam Al-Qur'an*

Mengharmonikan Konsep
Ummah Eksklusif
dan *Ummah* Inklusif

Oleh
Muhammad Haniff Hassan

2025

Tafsir Tematik Erti *Ummah* Dalam Al-Qur'an:
Mengharmonikan Konsep *Ummah* Eksklusif Dan *Ummah* Inklusif

© Hak cipta kandungan buku ini dimiliki oleh Muhammad Haniff Hassan.

© Hak cipta penerbitan buku ini dimiliki oleh Perdaus.

Semua hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Dilarang mengguna mana-mana bahagian, ilustrasi atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk tanpa izin.

ISBN 978-9-819-42692-8

PENGHARGAAN

Moga Allah taala memberi ganjaran yang terbaik bagi para penaja di bawah atas sumbangan yang membolehkan penerbitan buku ini:

- MKZA (Individu)
- SAK (Individu)
- EI (Individu)
- NAMY (Individu)
- FS (Individu)
- ZMD (Individu)


BIOGRAFI RINGKAS PENULIS

Muhammad Haniff Hassan, bertugas sebagai Zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang. Beliau berkelulusan M.Sc dan Ph.D dalam bidang pengajian strategik dari institusi yang sama. Pendidikan awalnya ialah di Madrasah Aljunied Al-Islamiah di Singapura. Beliau kemudian melanjutkan pelajarannya di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan memperoleh ijazah sarjana pertama dengan kepujian dalam Syariah dan Undang-undang.

Beliau turut aktif dalam berbagai kerja sosial dan dakwah sebagai anggota Majlis Rayuan Syariah di bawah Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), dan pernah menjadi anggota Majlis Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Singapura (PERGAS), Jawatankuasa Pengurusan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah dan Majlis Skim Pengiktirafan Asatizah Muis-Pergas. Beliau telah banyak menyumbang bahan tulisan di surat khabar *Berita Harian* dan *The Straits Times* dan telah menerbitkan buku-buku atas nama sendiri dan sebagai penulis bersama dengan pihak lain. Karya-karya penulisan beliau boleh didapati di halaman web peribadinya di www.haniff.sg.

KANDUNGAN

1 Prakata	<i>i</i>
2 Pengenalan	<i>1</i>
3 <i>Ummah</i> Dalam Al-Quran	<i>7</i>
4 <i>Ummah</i> Eksklusif	<i>21</i>
5 <i>Ummah</i> Inklusif	<i>27</i>
6 Perdebatan Antara <i>Ummah</i> Eksklusif Dan Inklusif	<i>33</i>
7 Rekonsiliasi Kedua Konsep <i>Ummah</i>	<i>39</i>
8 Kesimpulan	<i>49</i>
9 Lampiran	
1. Senarai ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi perkataan <i>ummah</i> dan tafsiran bagi maksud perkataan itu	<i>51</i>
2. Jumlah perkataan <i>ummah</i> dalam surah-surah Al-Quran	<i>96</i>
3. Jumlah <i>ummah</i> dalam bentuk kata tunggal (<i>mufrad</i>) dan kata majmuk (<i>jama'</i>)	<i>97</i> <i>99</i>
10 Bibliografi	



Tafsir Tematik
Erti Ummah
Dalam Al-Qur'an

Mengharmonikan Konsep
Ummah Eksklusif
dan *Ummah* Inklusif

PRAKATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang

Kita sering mendengar tentang *ummah*, satu konsep yang menggambarkan kesatuan dan persaudaraan umat Islam. Namun, dalam dunia yang semakin mencabar, muncul persoalan: Apakah erti sebenar menjadi sebahagian daripada *ummah*? Adakah *ummah* itu hanya mereka yang berkongsi keimanan yang sama, atau lebih luas daripada itu? Bagaimana kita menyeimbangkan antara kesetiaan kepada *ummah* Islam dan peranan kita dalam masyarakat majmuk seperti di Singapura?

Di Perdaus, kami percaya bahawa belia adalah agen perubahan dan pemimpin masyarakat pada masa depan. Justeru, kami berusaha membentuk mereka dengan kefahaman yang jelas tentang peranan mereka dalam keluarga dan masyarakat. Kami memperkasa keluarga agar mereka dapat mendidik anak-anak menjadi Muslim yang bukan sahaja berpegang teguh pada Islam, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan *ummah* secara keseluruhan.

Semua usaha ini berpaksikan visi kami, Menuju Ke Arah Masyarakat Yang Soleh, iaitu membentuk sebuah masyarakat yang tidak hanya berpegang pada nilai Islam, tetapi benar-benar menghidupkan nilai-nilai keadilan, kasih sayang, dan tanggungjawab sosial. Masyarakat yang soleh (*al-mujtama' al-salih*) bukan sekadar wujud melalui individu yang baik, tetapi dalam kesepaduan *ummah* yang memahami keseimbangan antara *habl min Allah* (hubungan dengan Allah) dan *habl min al-nas* (hubungan dengan manusia).

Buku *Tafsir Tematik Erti Ummah Dalam Al-Quran* mengajak kita meneliti dua konsep *ummah* eksklusif dan *ummah* inklusif, yang sering dianggap bertentangan, tetapi sebenarnya boleh wujud dalam keharmonian. Perbincangan ini bukan sekadar teori akademik, tetapi menyentuh realiti kehidupan kita sebagai Muslim yang perlu berinteraksi dengan pelbagai latar masyarakat.

Islam sendiri mengajar keseimbangan. Rasulullah s.a.w., sebagai *qudwah* (contoh) terbaik, menunjukkan kepentingan membina kesatuan melalui persaudaraan Muhajirin dan Ansar di Madinah. Namun pada masa yang sama, mengadakan perjanjian dengan kabilah bukan Islam demi keharmonian bersama. Konsep *ummah* bukan sekadar slogan, tetapi satu tanggungjawab, terhadap saudara seagama, terhadap jiran, dan terhadap masyarakat yang lebih luas.

Di Perdaus, inilah yang kami perjuangkan – membentuk individu dan keluarga Muslim yang bukan sahaja berpegang kepada nilai Islam, tetapi juga aktif dalam membina masyarakat yang lebih baik. Sebagaimana Islam itu bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi untuk memberi manfaat kepada seluruh manusia, begitu juga dengan konsep *ummah* yang dibincangkan dalam buku ini.

Saya berharap buku ini dapat mencetuskan pemikiran, membuka perspektif yang lebih luas, dan membawa kita lebih dekat dalam memahami peranan kita sebagai sebahagian daripada *ummah*.

Semoga ia menjadi satu langkah ke arah masyarakat yang lebih harmoni, berdaya, dan berpaksikan nilai Islam yang sebenar.

Muhammad Hafiz Bin Noorahman
Presiden, Perdaus (Penerbit)

PENGENALAN

Manusia disifatkan sebagai makhluk sosial. Hal ini adalah kerana kelangsungan hidup manusia sebagai individu dan kelompok amat bergantung pada bantuan atau kerjasama dengan insan dan kelompok lain. Bagi tujuan ini, manusia akan mewujudkan dan bergabung dengan kelompok-kelompok sosial yang utuh yang dengannya mereka dapat memenuhi keperluan hidup bersama seperti menjaga keselamatan diri, memperoleh makanan melalui aktiviti pertanian dan perniagaan dan membangun keluarga. Kelompok sosial ini perlu utuh bagi memainkan fungsinya dengan berkesan. Keutuhan ini memerlukan faktor penyatu individu-individu peribadi untuk menjadi kelompok yang padu yang ahli-ahlinya dapat bekerjasama, saling mempercayai dan bergantung untuk hidup dan makmur. Faktor pengikat ini melahirkan pula identiti kelompok bagi segala individu yang bergabung di bawahnya. Identiti ini membezakan siapa yang berada di dalam kelompoknya yang patut diberi kesetiaan dan dipercayai dan siapa pula yang berada di luar kelompok untuk diwaspadai. Terdapat pelbagai identiti seperti ini dalam sejarah manusia. Sebahagian contohnya ialah identiti yang berteraskan ikatan darah seperti kabilah, identiti yang berteraskan akidah seperti umat Islam dan Kristian dan identiti yang berteraskan kuasa politik seperti mereka yang bergabung di bawah kuasa empayar Romawi dan Parsi.

Sebagai satu agama fitrah (*tabi'ii*) bagi manusia Islam mengiktiraf kepentingan faktor sosial bagi menjaga kelangsungan hidup Muslim dan agamanya. Untuk itu juga, kesatuan umat Islam merupakan satu perintah yang penting dalam Islam dan perpecahan pula satu larangan yang sangat dicela.¹ Hakikat ini juga dicontohkan oleh Nabi s.a.w. dalam bentuk kata-kata dan perbuatan yang dilaporkan dalam banyak hadis. Dua contoh bagi membuktikannya ialah, 1) tindakan Nabi s.a.w. mempersaudarakan kelompok Muhajirin dan Ansar dikenali sebagai *al-mu'akhah*, dan 2) pemeteraian Perjanjian Madinah bagi memperkukuhkan *al-mu'akhah* antara Muhajirin dan Ansar dalam bentuk dokumen bertulis lalu memperluaskannya pula di kalangan kabilah-kabilah Yahudi dan Arab bukan Muslim, yang akan dibicarakan di bawah nanti. Sirah Nabi s.a.w. memberitahu bahawa kededua perkara ini adalah antara perkara yang paling awal dilakukan oleh Nabi s.a.w. setelah berhijrah di Madinah yang menunjukkan akan kepentingan dan keutamaan membina kelompok yang kukuh di bawah identiti agama bagi Muslim dan identiti politik yang satu bagi seluruh penduduk Madinah yang majmuk.²

Para ulama dan ilmuwan Muslim sejak zaman silam lagi memahami akan perkara ini. Maka mereka sentiasa berusaha untuk menyumbang kepada pengukuhan kesatuan umat Islam, payung identiti sosial, melalui gagasan, teori, konsep, fatwa hukum dan pelbagai bentuk idea yang lain di dalam karya-karya ilmiah mereka. Kesatuan ini di dalam wacana mereka dikenali sebagai *ummah* – satu perkataan dari bahasa Arab yang pada umumnya merujuk kepada satu kumpulan manusia yang penggunaannya juga boleh ditemui di dalam Al-Quran.

*Penulis adalah Zamil di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam, Universiti Teknologi Nanyang Singapura. Beliau boleh dihubungi di ismhaniff@ntu.edu.sg.

1. Lihat Al-Qur'an, 3:103 and 61:4.

2. Safiur-Rahman Al-Mubarakfuri (2011), *Sealed Nectar: Biography of the Noble Prophet s.a.w.*, Riyadh: Maktaba Dar-us-salam, ms. 265-8.

Yang masyhur dalam wacana para ulama, *ummah* merujuk kepada satu kelompok yang keanggotaannya adalah setiap individu Muslim tidak kira di mana mereka berada. Di dalam gagasan ini, Muslim secara automatik menjadi anggota *ummah* dan memikul kewajipan untuk membelanya dan membela mana-mana anggotanya yang memerlukan pembelaan, tanpa kira perbezaan keturunan, kedudukan geografi, kewarganegaraan, status sosial, jantina dan lain-lain.

Sepanjang sejarah, umat Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran yang mencabar keutuhan kesatuan dan identiti mereka. Setiap kali cabaran ini muncul, wacana tentang kesatuan dan identiti sosial umat Islam yang melibatkan konsep *ummah* pasti akan berlaku dengan tujuan untuk memberi huraian dan panduan terbaik bagi umat Islam setempat atau global.

Hari ini, umat Islam berhadapan dengan cabaran dari, 1) arus modenisasi yang dibawa oleh kuasa Eropah melalui penjajahan ke atas kebanyakan bumi umat Islam yang memperkenalkan konsep negara-bangsa (*nation state*) dan kebangsaan (*nationalism*) dan, yang terkini, 2) daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang dibangun oleh Barat yang menjadikan dunia sebagai satu kampung global (*global village*). Cabaran ini menimbulkan banyak persoalan pada konsep *ummah* yang tradisi yang disebutkan di atas. Antaranya, ialah: Apakah erti menjadi anggota *ummah* pada hari ini? Bagaimana pula seorang Muslim mengaitkan diri dengan sebagai anggota *ummah* dan kewarganegaraannya, yang kadangkala membatasi peranannya untuk *ummah*? Bagaimana seorang Muslim di negara-negara Muslim boleh berusaha membina kesatuan warganegaranya tanpa meminggirkan kelompok bukan Muslim yang minoriti dan tanpa melanggar prinsip agamanya? Bagaimana pula seorang Muslim berwarganegara negara bukan Muslim dan sebagai kelompok minoriti menggarap identiti agamanya, iaitu hubungannya dengan *ummah*, dan soal identiti politiknya, iaitu kewarganegaraannya. Bagaimana dia boleh menjadi warganegara

yang baik tanpa mencairkan identitas agamanya, dan bagaimana pula dia memenuhi tanggungjawabnya kepada *ummah*, tanpa alami konflik dalam diri dengan kewarganegaraannya?

Banyak kajian telah dibuat mengenai bagi menjawab soalan-soalan di atas dan yang lain-lain yang berkaitan dengan isu ini. Antaranya ialah yang membabitkan konsep dan pengertian *ummah* yang daripadanya boleh dirumuskan dua konsep utama *ummah* yang digagaskan oleh para ulama dan ilmuwan Muslim, iaitu; *ummah* eksklusif dan *ummah* inklusif.

Setakat ini, kajian-kajian yang sedia ada tentang pengertian *ummah* hanya memberi; 1) tinjauan literatur bagi kededua konsep yang dinyatakan secara saksama tanpa berpihak pada salah satu konsep *ummah*, atau 2) membincangkan perdebatan antara keduaduanya lalu berhujah bagi menyokong satu konsep dan menolak konsep yang lain.

Tidak banyak kajian yang ada berusaha untuk melakukan rekonsiliasi terhadap kededua konsep tadi dan mencadangkan bahawa keduaduanya boleh diamalkan sekaligus tanpa menyalahi prinsip agama yang ada.

Artikel ini merupakan satu usaha kecil bagi menawarkan perspektif yang akan mengharmonikan kededua konsep *ummah* dengan memanfaatkan pelbagai konsep dari ilmu *Usul Al-Fiqh* (Prinsip-prinsip Fikih) khususnya yang berkaitan proses dan metodologi berijtihad.

Untuk tujuan ini, artikel ini akan membuat tinjauan pada Al-Quran dari sudut penggunaan perkataan *ummah* dalam ayat-ayatnya. Pendekatan yang digunakan ialah tafsir tematik (*tafsir maudu'ii*) yang daripadanya dapat dicerna maksud yang dikehendaki Al-Quran dari perkataan itu dan perintah-perintah yang mungkin ada darinya.

Berdasarkan dapatan dari analisa ini, artikel ini akan membahaskan dan menilai dua konsep *ummah* yang masyhur dan dianggap saling bertentangan di kalangan ilmuwan Islam; *ummah* eksklusif dan *ummah* inklusif dan merumuskan bahawa keduaduanya hanyalah pendapat yang berdasarkan ijtihad dan bukan ketetapan wahyu. Kededua konsep ini

mewakili salah satu makna yang ada dalam Al-Quran, tetapi bukan makna yang holistik.

Setelah mengenalpasti bahawa kededua konsep ini hanyalah ijtihad dan perbezaan antara kededuanya bukan perbezaan prinsip, artikel ini akan menunjukkan bahawa kededua konsep *ummah* yang dibicarakan boleh dilakukan rekonsiliasi untuk diharmonikan di sisi agama berdasarkan dapatan dari tinjauan pada penggunaan perkataan *ummah* dalam Al-Quran, berpandukan prinsip-prinsip yang ada dalam ilmu *Usul Al-Fiqh* (Prinsip-prinsip Fikih) dalam soal ijtihad dan memanfaatkan perspektif dari teori sosial identiti dari ilmu sains sosial. Hal ini sesuai dengan prinsip berusaha untuk mengharmonikan dahulu makna-makna yang berbeza yang ada dalam tradisi ilmu Islam, sebelum melakukan *tarjih* (menguatkan satu pendapat) antara kededuanya.

Kajian ini adalah satu usaha untuk memahami erti *ummah* dari sudut penggunaannya dalam Al-Quran melalui pendekatan tafsir tematik (*tafsir maudu'î*). Berdasarkan dapatan dari analisa ini, kajian ini akan membahaskan dan menilai dua konsep *ummah* yang masyhur dan dianggap saling bertentangan di kalangan ilmuwan Islam, iaitu *ummah* eksklusif dan *ummah* inklusif. Kajian ini merumuskan bahawa kedua-dua konsep tersebut adalah produk ijtihad dan bukan ketetapan wahyu. Kedua-duanya mewakili salah satu makna yang terdapat dalam Al-Quran, tetapi bukan makna yang holistik.

Sesuai dengan prinsip dalam tradisi ilmu Islam, iaitu berusaha untuk mengharmonikan makna-makna yang berbeza, kajian ini menawarkan perspektif bagaimana kedua-dua konsep *ummah* tersebut dapat diharmonikan dan tidak dianggap sebagai saling bercanggah atau bersaing. Proses pengharmonian ini berpandukan pelbagai alat ijtihad dalam ilmu *Usul Al-Fiqh* (Prinsip-prinsip Fiqh) serta teori identiti sosial dalam sains sosial.

Hasil dari rekonsiliasi ini, kajian berhujah bahawa kedua-dua konsep tersebut boleh dianggap sebagai dua identiti berbeza yang diiktiraf dalam agama dan wajar ada dalam diri seorang Muslim. Selain itu, Muslim juga mempunyai pilihan yang fleksibel apabila berhadapan dengan situasi di mana kepentingan *ummah* eksklusif bertembung dengan kepentingan *ummah* inklusif. Dalam hal ini, kepentingan *ummah* eksklusif tidak semestinya diberi keutamaan dalam setiap keadaan.



Blk 364 Bukit Batok St 32 #01-259 Singapore 650364 | Tel: +65 6513 2300



ISBN 978-0-99-702549-1



9 780997 025491